

BULETIN M.D.M

marudide.sarawak.gov.my



ANUGERAH KEPIMPINAN PBT TERBAIK | DAERAH

MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN MENTERI KPKT 2023 (AKM 2023)



ANUGERAH PERAK

ANUGERAH SMART KOMUNITI (ASK) TAHUN 2023
ANJURAN KEMENTERIAN KESIHATAN AWAM,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
SARAWAK



JOHAN

INNOWASTE ANJURAN KEMENTERIAN
KESIHATAN AWAM, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN SARAWAK (MPHLG)
2023

PERUTUSAN PENGERUSI MAJLIS DAERAH MARUDI

Salam Sejahtera

Saya ingin memanjatkan rasa Syukur kerana dengan izinNya, Buletin Majlis Daerah Marudi bagi tahun 2023 Edisi Kedua ini dapat diterbitkan dengan jayanya.

Dengan kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah secara langsung dan tidak langsung kepada seluruh warga Majlis Daerah Marudi di atas pencapaian yang diraih dan menjayakan program yang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Marudi.

Harapan saya agar momentum sebegini dapat dikekalkan demi kecemerlangan perkhidmatan di Majlis Daerah Marudi demi kesejahteraan rakyat dan peningkatan taraf ekonomi negara pada masa hadapan.

Semoga kita bersua lagi di edisi yang akan datang.

KR. EDWARD MENDAI
PENGERUSI
MAJLIS DAERAH MARUDI



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Kr. Edward Mendai

PENGARANG

Semua Ketua Bahagian/Seksyen Majlis Daerah Marudi

PENASIHAT

Cik Michelle Hildalyne Jering Anthony Luta

WARTAWAN

Unit ICT, Majlis Daerah Marudi

KETUA EDITOR

Cik Nor Najiha Maulana Yusuff


MEDIA

Unit ICT, Majlis Daerah Marudi

VISI

PERSEKITARAN HIDUP LESTARI
UNTUK SEMUA


*"SUSTAINABLE LIVING
ENVIRONMENT FOR ALL."*



MISI

KAMI KOMITED UNTUK MENINGKATKAN KUALITI
HIDUP KOMUNITI MELALUI TADBIR URUS YANG BAIK

*"WE ARE COMMITTED TO IMPROVE THE QUALITY OF
LIFE OF OUR COMMUNITY THROUGH GOOD
GOVERNANCE."*



SLOGAN

"BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN"

"SERVING WITHOUT BORDERS"

BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN

MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN MENTERI KPKT 2023 (AKM 2023)



Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT 2023 (AKM 2023) telah berlangsung pada 11 November 2023 bertempat di St. Regis Kuala Lumpur.

Sebanyak 12 kategori AKM 2023 dipertandingkan merangkumi lapan (8) anugerah bagi kategori individu iaitu **Anugerah Keunggulan Menteri, Anugerah Berlian KPKT, Anugerah Kepimpinan Terbaik, Anugerah Kepimpinan Berinspirasi, Anugerah Pemimpin Harapan, Anugerah Personaliti Unggul, Anugerah Hati Emas** dan **Anugerah Kepimpinan PBT Terbaik**.

Empat (4) anugerah bagi kategori berpasukan pula ialah **Anugerah Hijau KPKT, Anugerah Organisasi Sejahtera, Anugerah Organisasi Paling Responsif** dan **Anugerah PBT Cemerlang**.

Sekalung tahniah diucapkan kepada Setiausaha Majlis Daerah Marudi, Cik Michelle Hildalyne Jering Anthony Luta telah berjaya merangkul **Anugerah Kepimpinan PBT Terbaik**.

BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN

ANUGERAH SMART KOMUNITI (ASK) 2023



Sesi Pembentangan Kumpulan Serakup Indu Dayak Sarawak (SIDS) Marudi pada 23 November 2023.

Pameran Inno-Waste Sempena Minggu Inovasi Perkhidmatan Awam Sarawak Tahun 2023 dilaksanakan pada 23 sehingga 26 November 2023 bertempat di Dewan Masyarakat Bekenu, Subis dengan kerjasama Serakup Indu Dayak Sarawak (SIDS) Cawangan Marudi. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti pameran produk 3R, pameran produk komuniti SIDS, pertandingan pameran *inno-waste* dan ceramah *From Waste to Cash*.



Sesi Lawatan Tapak oleh Panel Penilai Anugerah SMART Komuniti (ASK) Tahun 2023. Antara panel penilai yang hadir adalah En. Lloyd Huffman Miko (Ketua Panel Penilai), Pn. Khatijah Binti Affandi, Pn. Irene Shyreena Binti Moho, Pn. Aneesah Binti Adam dan bersama dua orang urusetia iaitu Cik Sheyroll Makam dan En. Azizan Azni Bin Ahmad Zainuddin.

ANUGERAH SMART KOMUNITI (ASK) 2023



Majlis Anugerah SMART Komuniti (ASK) Tahun 2023 di Raia Hotel & Convention Centre, Kuching pada 12 Disember 2023. Serakup Indu Dayak Sarawak (SIDS) Marudi telah mendapat Anugerah Perak untuk Anugerah SMART Komuniti (ASK) Tahun 2023 anjuran Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak. Piala Kemenangan, Cek berjumlah RM5,000.00 serta Sijil telah disampaikan oleh Tetamu Kehormat, Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak merangkap Ahli Dewan Undangan (ADUN) N.76 Marudi.

BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN



PAMERAN INNO-WASTE SEMPENA MINGGU INOVASI PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK TAHUN 2023

Pameran Inno-Waste Sempena Minggu Inovasi Perkhidmatan Awam Sarawak Tahun 2023 dilaksanakan pada 23 sehingga 26 November 2023 bertempat di Dewan Masyarakat Bekenu, Subis dengan kerjasama Serakup Indu Dayak Sarawak (SIDS) Cawangan Marudi. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti pameran produk 3R, pameran produk komuniti SIDS, pertandingan pameran *inno-waste* dan ceramah *From Waste to Cash*.



PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI



PROGRAM GOTONG-ROYONG SEMPENA KEMPEN PASAR AWAM BERSIH

Program gotong-royong sempena Kempen Pasar Awam Bersih telah dilaksanakan pada 26 Julai 2023 bertempat di Pasar Rakyat Marudi yang turut dihadiri oleh Pengerusi Majlis Kr. Edward anak Mendai, Kr. Huang Huat Ping, Kr. FaidelSukri Bin Haji Suip, Kr. Sim Boon Seng dan Kr. Joseph Chon.

Program gotong-royong diadakan sempena Kempen Pasar Awam Bersih serta merasmikan Kempen Pasar Awam Bersih. Objektif Kempen Pasar Awam Bersih adalah untuk mempromosikan kepentingan kebersihan pasar awam bagi meningkatkan tahap kesedaran di kalangan peniaga dan masyarakat.

PROGRAM RURAL SERVICE CENTRE (RSC) DI KAMPUNG LONG IMAN

Program Rural Service Centre (RSC) di Kampung Long Iman telah berlangsung pada 11 sehingga 13 Ogos 2023 bertempat di Kampung Long Iman. Program Rural Service Center (RCS) ini turut dihadiri oleh YB Datuk Gerawat Gala, Pengarah Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Sarawak (SIMU) Felicia Tan Ya Hua, Naib Presiden Bahagian Elektrifikasi Luar Bandar Sarawak Energy Berhad Chen Shiun, Ketua Kaum Kampung Long Iman Esak Tuo' serta wakil-wakil agensi kerajaan yang lain



Majlis Daerah Marudi telah membuka kaunter lesen kedai kampung dan turut membuat semburan asap di seluruh Kampung Long Iman sehari sebelum program berlangsung.



BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN

PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI



PENGAGIHAN RISALAH KEPENTINGAN KEBERSIHAN PASAR AWAM

Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar telah mengagihkan risalah mengenai kepentingan kebersihan pasar awam pada 03 Ogos 2023 bertempat di Pasar Rakyat Marudi.

Proses pengagihan ini turut mempromosikan kesihatan demi kesejahteraan bersama dengan semua penaja di Pasar Rakyat Marudi.



BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN

PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI



KONVENSYEN INNOVATIVE AND CREATIVE CIRCLE (ICC) 2023

Konvensyen *Innovative and Creative Circle* (ICC) 2023 dengan anjuran Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak (MPHLG) telah diadakan pada 21 Ogos 2023 sehingga 25 Ogos 2023 dan Claude Town VII mewakili Majlis Daerah Marudi dengan membawa tajuk EnfoSys: Pengurusan Pengumpulan Data Yang Kurang Efisien Di Bahagian Penguatkuasa.

EnfoSys direka secara online menggunakan aplikasi Glide supaya penghantaran dan pengumpulan data laporan harian penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien, pantas dan tepat dan telah diselaraskan dengan penggunaan borang ISO dan menepati keperluan KPI (BSC).



BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN

PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI



Gambar bersama Ketua Kampung Long Bedian, En. Lesly Lah dan Kr. Jok Eng Jok semasa selesai sesi program.



Ceramah 3R tentang Pengasingan Sisa Pepejal di Long Bedian oleh PKA Afzanizam Bin Keriah dari Unit Sustainable Development Goals (SDGs) Majlis Daerah Marudi.



Demonstrasi pembuatan baja kompos oleh penceramah jemputan daripada Majlis Bandaraya Miri (MBM), En. Jasper di Long Bemang.

CARE FOR NATURE 2.0

Care For Nature 2.0 telah dilaksanakan pada 11 hingga 15 September 2023 bertempat di Long Bedian dan Long Bemang dan program ini kolaborasi bersama Majlis Bandaraya Miri (MBM), JKKK Long Bedian dan Long Bemang. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti ceramah pengenalan matlamat pembangunan mampan, 3R-pengasingan sisa pepejal dan baja kompos.



Program Care For Nature 2.0 di Long Bemang bersama Komuniti Long Bemang.



Sumbangan Tong Bokashi kepada komuniti Long Bedian untuk menjalankan aktiviti kompos.

BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN

PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI

BARAM REGATTA 2023

Baram Regatta 2023 telah berlangsung pada 26 September 2023 sehingga 01 Oktober 2023 dan Majlis Daerah Marudi sebagai salah satu agensi yang bekerjasama dalam menjayakan Baram Regatta 2023 dari segi memantau kebersihan dan penguatkuasaan.

Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar telah mengadakan beberapa aktiviti sepanjang Baram Regatta seperti:

> MENGEDARKAN RISALAH

- Risalah berkenaan JANGAN MEMBUANG SAMPAH MERATA TEMPAT sebagai inisiatif bagi memupuk kesedaran dalam kalangan penjaja jualan supaya tidak membuang sampah merata-rata tempat.



> PENGAGIHAN PLASTIK SAMPAH

- Pengagihan plastik sampah kepada kesemua penjaja jualan Baram Regatta bagi menyediakan memudahkan penjaja jualan untuk membuang sampah sepanjang program Baram Regatta.



PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI

PROGRAM GOTONG-ROYONG PASCA BARAM REGATTA 2023

Program Gotong-Royong Pasca Baram Regatta 2023 telah dilaksanakan pada 24 Oktober 2023 bertempat di sepanjang tebingan sungai, Marudi.



(马鲁帝9日讯) 峇南龙舟赛结束后，马鲁帝县议会已火速派员清理马鲁帝河滨公园附近河岸上的垃圾。

闹哄哄的峇南龙舟赛已于本月1日圆满落幕，活动期间连日来大批人潮蜂拥到镇上河滨公园观赏赛事，热闹无比，但曲终人散留下河岸边的垃圾有碍瞻观，大煞风景。

幸马鲁帝县议会于盛会期间，频密加派人手到场打扫与清洁，活动之后遍地垃圾情况已有很大改善。

马鲁帝县议会主席艾德文蒙戴透露，虽然河岸边清洁工作和责任不在马鲁帝县议会，但议会为了还原河滨公园美丽景色，频频派出人手进行清洁和拾捡垃圾。

马鲁帝县议会也希望所有人配合，不要依赖县议会进行清洁工作，如果要看到周围环境的清洁和美丽，维护市容的清洁理应是所有人应尽的责任。

▲马鲁帝县议会上周三派出人手清洁峇南河岸。

▲工作人员在河岸拾捡大量塑料空瓶。

▼马鲁帝河滨公园前河岸恢复清洁。

(Keratan Akhbar Bahasa Cina berkenaan Program Gotong Royong ini)



(Sesi gotong-royong)

PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI



Gambar bersama dengan komuniti di Long Jeeh setelah selesai program.



Sesi soal jawab bersama komuniti semasa ceramah Bahaya Gigitan Rabies.



Aktiviti fogging untuk program pemusnahan tempat pembiakan nyamuk Aedes.



Sesi pemberian kit peserta.

MAJLIS BERSAMA KOMUNITI (MBK) 'GOOD HEALTH AND WELL BEING 2.0'

Program Majlis Bersama Komuniti (MBK) 'Good Health and Well Being 2.0' dilaksanakan pada 12 sehingga 15 September 2023 bertempat di Long Jeeh dengan kerjasama SK Long Jeeh dan Klinik Kesihatan Long Jeeh.

- Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti:
 1. Ceramah Pengenalan Matlamat Pembangunan Mampan
 2. Saringan Kesihatan 2.0 (TB)
 3. Ceramah Bahaya Gigitan Rabies
 4. Pemusnahan Tempat Pembiakan Nyamuk (Aedes) & Fogging
 5. Dasar Warga Emas Negara

BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN

PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI



OPERASI BERSAMA BAHAGIAN KEJURUTERAAN, KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN BANDAR DAN PENGUATKUASA

Bahagian Kejuruteraan, Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar dan Bahagian Penguatkuasa telah menjalankan operasi terhadap lorong kaki lima di premis pada 01 November 2023.

Notis arahan memindah / tidak meninggalkan diberi masa dalam dua minggu seperti meja, kabinet, barang, dsb di belakang kedai mereka kerana menyukarkan kerja-kerja pembersihan parit.



BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN

PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI



Gambar bersama komuniti Kampung Melinau dan Ketua Kampung En. Ugum.



Ceramah 3R tentang pengasingan sisa pepejal oleh En. Nadzarunie Bin Solhi.



Demonstrasi pembuatan baja kompos oleh PKA Afzanizam Bin Keriah.



Ceramah baja kompos oleh PKA Afzanizam Bin Keriah.

COMMUNITY WASTE MANAGEMENT PROGRAMS (CWMP) 1.0

Program Community Waste Management Programs (CWMP) 1.0 dilaksanakan pada 24 sehingga 26 November 2023 bertempat di Kampung Melinau, Mulu dengan kerjasama JKKK Kampung Melinau.

- Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti:
1. Ceramah Pengenalan Matlamat Pembangunan Mampan
 2. 3R-Pengasingan Sisa Pepejal
 3. Baja Kompos
 4. Randau Sosial

BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN



**MAJLIS DAERAH MARUDI
 LOT 577, JALAN PENGHULU
 TAMA TINGGANG MALANG,
 PETI SURAT 374,
 98058 BARAM, SARAWAK.**

**Tel: 085-755755 FAKS: 085-755336
 marudidc@sarawak.gov.my**



BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN